

UPM bantu All Cosmos atasi masalah

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Syarikat pengedar baja bioorganik dan biokimia, All Cosmos Biotech Holding Corporation (All Cosmos) hari ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menyelesaikan isu keselamatan makanan berasaskan bahan pertanian.

Kedua-dua institusi tersebut akan membangunkan produk dua dalam satu iaitu kompos-biocide dengan menggunakan 'bacteriophage' atau virus yang mampu membunuh bakteria yang spesifik.

Ketua Pengarah All Cosmos, Datuk Tony Peng Shih Hao berkata, projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang bakal dijalankan dalam tempoh lima tahun itu sekali gus bertujuan meningkatkan pembangunan pertanian mapan dan perlindungan hutan.

"Keadaan cuaca dan muka bumi kini terlalu panas dan berikutnya itu tanah untuk pertanian menjadi masam sehingga menyebabkan sebarang mendapat penyakit dan

mengakibatkan tanaman tercemar dan isu keselamatan makanan tidak lagi terjamin.

"Oleh kerana itu, penggunaan bacteriophage adalah bersifat teknologi hijau yang bakal mengantikan racun perosak kimia, berkos rendah, mesra alam tidak berbahaya dan bakal meningkatkan hasil dan eksport pertanian dan perlindungan hutan di negara," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis MoU yang disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di UPM, Serdang dekat ini.

All Cosmos memperuntukkan dana sebanyak RM54,450 kepada Fakulti Perhutanan UPM bagi tujuan penyelidikan kompos-biocide dan syarikat pengedar baja itu juga akan memperuntukkan sejumlah RM1 juta lagi dalam bentuk kerusi penyelidikan perindustrian untuk penyelidikan berimpak tinggi.

Tony berkata, teknologi bacteriophage akan dapat mengurangkan penggunaan bahan kimia dalam melindungi tumbuhan dari

pada serangan penyakit yang disebabkan oleh bakteria perosak.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, jalinan kerjasama antara All Cosmos dengan UPM selaras dengan hasrat kerajaan dalam meningkatkan bidang penyelidikan dengan syarikat-syarikat besar dan pihak industri di luar negara.

Sambil mengalau-alukan kerjasama itu, kata beliau, langkah tersebut adalah yang pertama kali diambil oleh universiti tempatan dalam usaha membangunkan produk kompos-biocide.

"Kementerian sentiasa menggesa supaya universiti tempatan dapat membangunkan rangkaian dengan pihak industri dalam aspek penyelidikan dan pembangunan.

"Kita sedang berada di landasan yang tepat apatah lagi negara kini menumpukan pada isu keselamatan makanan. Penyertaan All Cosmos dalam projek itu turut memberi pengiktirafan kepada UPM untuk memperlihatkan keupayaannya dalam bidang pertanian dan penghasilan makanan," katanya.



MOHAMED Khaled Nordin bersalaman dengan Tony Peng Shih Hao sambil diperhatikan oleh Timbalan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd. Saleh Jaafar selepas bertukar-tukar dokumen kerjasama di UPM, Serdang, dekat Kuala Lumpur, semalam.